Mencontohi
Mandi
Junub
Rasulullah
Ustaz Rasul bin Dahri

"Hakikat mandi junub ialah menjirus (mengalirkan) air ke seluruh anggota tubuh [[1]] (dari hujung rambut ke hujung kaki). Sebahagian ulama mewajibkan berkumur-kumur dan menghisap air ke hidung (memasukkan air ke dalam hidung) semasa mandi junub".

Adapun sebab-sebab wajibnya mandi junub (mandi hadas besar) ialah setelah terjadi perkara-perkara berikut:

Wajib Mandi Kerana Keluar Air Mani
Wajib Mandi Kerana Persetubuhan
Wajib Mandi Setelah Bersih dari Haid atau Nifas

[1] Lihat: Fathul Bari.

# PERTAMA:
# Wajib Mandi Kerana Keluar Air Mani

Para ulama telah sepakat bahawa apabila keluar air mani dengan bersyahwat, bersetubuh atau bermimpi maka wajib baginya mandi junub. Begitu juga bagi kaum perempuan (jika keluar air mani) maka wajib baginya mandi junub sebagaimana keterangannya dari hadis-hadis berikut:

وَعَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : سُئِلَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرَّجُلِ يَجِدُ الْبَلَلَ وَلاَ يَذْكُرُ احْتِلاَمًا فَقَالَ : يَغْتَسِلُ . وَعَنِ الرَّجُلِ يَرَى اَنْ قَدِ احْتَلَمَ وَلاَ يَجِدُ الْبَلَلَ فَقَالَ : لاَ غُسْلَ عَلَيْهِ . فَقَالَتْ اُمُّ سُلَيْمٍ : اَلْمَرْأَةُ تَرَى ذَلِكَ عَلَيْهَا الْغُسْلُ ؟ قَالَ : نَعَمْ ، اِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ.

*"Dari Aisyah ia berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam pernah ditanya oleh seorang lelaki yang mendapati basah (kerana keluar mani) pada hal tidak ingat bahawa ia bermimpi lalu baginda menjawab: Hendaklah ia mandi. Dan baginda pernah ditanya tentang lelaki yang bermimpi dirasakan seolah-olah keluar air mani tetapi tidak ada kesan basah. Baginda menjawab: Tidak wajib mandi. Kemudian Ummu Sulaim bertanya: Kalau perempuan bermimpi demikian wajibkah wanita itu mandi? Nabi menjawab: Ya, kerana sebenarnya kaum wanita itu adalah saudara-saudara kaum lelaki".* [2]

[2] H/R Imam yang lima, kecuali Nasa'i.

وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ انَّ أُمَّ سُلَيْمٍ قَالَتْ : يَـــا رَسُـــوْلُ الله ، انَّ اللهَ لاَ
يَسْتَحِيْ مِنَ الْحَقِّ ، فَهَلْ عَلَى الْمَرْأَة الْغُسْلُ اذَا احْتَلَمَتْ ؟ قَالَ :
نَعَمْ ، اذَارَأَت الْمَاءَ . فَقَالَتْ أُمُّ سَلَمَةَ : وَتَحْتَلِمُ الْمَرْأَةُ؟ فَقَالَتْ :
تَرِبَتْ يَدَاكِ ، فَبِمَا يُشْبِهُهَا وَلَدُهَا؟

*"Dari Ummu Salamah bahawa Ummu Sulaim berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu kerana sesuatu yang haq! Apakah wanita wajib mandi junub kalau ia bermimpi? Baginda menjawab: Ya, apabila ia melihat air! Kemudian Ummu Salamah bertanya lagi: Apakah perempuan juga bermimpi? Celaka engkau, kalau tidak begitu dengan apa anaknya boleh serupa dengannya!".* [3]

عَنْ خَوْلَةَ بِنْتِ حَكِيْمٍ ، اَنَّهَا سَأَلَتْ النَّبِيَّ عَنِ الْمَرْأَةِ تَـــرَى فِـــى
مَنَامِهَا مَايَرَى الرَّجَلُ ، فَقَالَ : لَيْسَ عَلَيْهَا غَسْلٌ حَتَّى تَنْزِلَ كَمَـــا
اَنَّ الرَّجُلَ لَيْسَ عَلَيْهِ غَسْلٌ حَتَّى يُنْزِلَ.

*"Dari Khaulah binti Hakim bahawa beliau pernah bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam tentang perempuan yang bermimpi seperti mimpinya lelaki lain Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: I a tidak wajib mandi sehingga mengeluarkan air mani seperti halnya lelaki tidak wajib mandi sehingga ia mengeluarkan air mani".* [4]

وَالنَّسَائِيُّ مَخْتَصَرًا وَلَفْظُهُ : اَنَّهَا سَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّـــى اللهُ عَلَيْـــهِ
وَسَلَّمَ عَنِ الْمَرْأَةِ تَحْتَلِمُ فِي مَنَامِهَا ، فَقَـــالَ : اذَا رَأَتِ الْمَـــاءَ
فَلْتَغْتَسِلْ.

*"Dan Nasa'i meriwayatkan dengan ringkas yang lafaznya: Bahawasanya dia (Khaulah) bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam tentang perempuan yang bermimpi*

---

3 H/R Mutaffaq alaihi.

4 H/R Ahmad.

*mengeluarkan air mani dalam tidurnya lalu Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam menjawab: Kalau ia melihat air mani maka hendaklah ia mandi".* [5]

Dari hadis-hadis sahih di atas, menunjukkan bahawa wanita juga terkadang bermimpi kerana wanita adalah saudara kandung lelaki. Maka sebagaimana kaum lelaki juga bermimpi maka kaum wanita demikian pula. [6]

Dan jika ia (seseorang wanita) tidak menemui tanda, bekas, basah, atau sisa-sisa air setelah bangun tidur maka ia tidak diwajibkan untuk mandi junub. Adapun jika ia mendapati bekas/tanda air maka ia wajib mandi kerana Ummu Sulaim berkata: "*Wahai Rasulullah. apakah seorang wanita wajib mandi jika ia bermimpi (keluar air). Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam menjawab: Ya. kalau ia melihat (mendapati basah) bekas air! Jika wanita mendapati ada bekas air maka ia diwajibkan mandi junub".* [7]

Jika seseorang perempuan sering mengeluarkan cecair tanpa disebabkan oleh suatu rangsangan (nafsu syahwat/nikmat) maka sama sekali tidak diwajibkan mandi. Mandi hanya diwajibkan apabila melakukan persetubuhan. bermimpi, keluar air diiringi syahwat (seperti mimpi berjimak dengan seorang lelaki lalu ketika bangun terdapat bekas air maka diwajibkan baginya mandi junub). [8]

Sesungguhnya diwajibkan mandi junub (mandi hadis) hanya apabila keluar mani dengan bersyahwat (lazat/nikmat). Apabila terkeluar dengan tidak bersyahwat seperti kerana penyakit atau terlalu kesejukan maka tidak diwajibkan mandi junub. [9]

---

5 H/R Nasa'i.

6 Lihat: Fatwa-fatwa Muslimah, Hlm 141 Syeikh Muhammad bin Ibrahim al-Syeikh. Syeikh Abdurrahman bin Hashir as-Sa'diy. Syeikh Abdullah bin Abdullah bin Baz. Syeikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin. Syeikh Abdullah bin Jibrin dan Syeikh Soleh Fauzan bin Fauzan.

7 Ibid.

8 Ibid.

9 Lihat: Nailul Authar. 1/187 Asy-Syaukani.

# Penjelasan Tentang Wadi dan Mazi

Wadi:

Wadi adalah cecair pekat yang biasanya keluar setelah seseorang selesai dari buang air kecil (kencing). Wadi ini dihukum najis dan harus disucikan seperti halnya kencing, akan tetapi tidak diwajibkan mandi. [10]

Mazi:

Mazi adalah cecair yang bening dan pekat yang keluar dari zakar atau faraj ketika bercumbu atau ketika nafsu syahwat. Hal ini sama-sama dialami oleh lelaki dan juga wanita, akan tetapi pada wanita jumlahnya lebih banyak. Menurut kesepakatan para ulama, mazi ini dihukum najis. Apabila mazi ini mengenai badan maka wajib dibersihkan dan apabila mengenai pakaian maka cukup sekadar menyiramkan air pada bahagian yang terkena mazi. Mengenai hal ini terdapat hadis-hadis sahih yang menjelaskannya. Aisyah radhiallahu 'anha mengatakan:

وَأَمَّا الْوَدِي فَإِنَّهُ يَكُوْنُ بَعْدَ الْبَوْلِ فَيَغْسِلُ ذَكَرَهُ وَأُنْثَيَيْهِ وَيَتَوَضَّأَ وَلاَ يَغْتَسِلُ.

*"Wadi itu keluar setelah proses kencing selesai. Untuk itu hendaklah seseorang muslim (dan muslimah) mencuci kemaluannya (setelah keluarnya wadi) dan berwuduk serta tidak diwajibkan mandi junub".* [11]

عَنِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : اَلْمَنِيُّ وَالْوَدى وَالْمَذِي ، اَمَّا الْمَنِيُّ فَفِيْهِ الْغُسْلُ وَاَمَّا الْمَذِيْ وَالْوَدِيْ فَفِيْهِمَا اِسْبَاغُ الطُّهُوْرِ.

*"Tentang mani, wadi dan mazi. Adapun mengenai mani maka diwajibkan mandi kerananya. Sedangkan mengenai mazi dan wadi maka cukup dengan membersihkan secara sempurna".* [12]

---

[10] Lihat: Fiqh Wanita. Hlm. 19, Syeikh Kamil Muhammad Uwaidah.

[11] H/R Ibnu al-Munzir.

[12] H/R Al-Baihaqi dan Al-Athram

وَأَمَّا الْوَدِيْ وَالْمَذِيْ فَقَالَ : اغْسِلْ ذَكَرَكَ ، أَوْ مَذَاكِيْرَكَ وَتَوَضَّأْ وُضُوْءَكَ فِى الصَّلاَةِ.

*"Mengenai wadi dan mazi, Rasulullah bersabda: Basuhlah kemaluanmu atau tempat kemaluanmu dan berwuduklah seperti padu saat hendak melaksanakan solat".* [13]

Oleh yang demikian maka keluar wadi atau mazi dihukum najis dan membatalkan wuduk. Wajib dibasuh zakar atau faraj dan pakaian yang terkena wadi atau mazi tetapi tidak diwajibkan mandi junub (mandi hadas besar) jika terkeluar wadi dan mazi sebagaimana penjelasan dari hadis-hadis yang lalu dan sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

عَنْ عَلِيٍّ قَالَ : كُنْتُ رَجُلاً مَذَّاءً فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : فِى الْمَذْيِ الْوُضُوْءُ وَفِى الْمَنِيِّ الْغُسْلُ

*"Dari Ali berkata: Aku adalah seorang lelaki yang sering keluar mazi lalu aku bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam kemudian ia bersabda: Dalam mazi itu berwuduk dan dalam mani itu wajib mandi."* [14]

وَلأَحْمَد فَقَالَ : اذَا حَذَفْتَ الْمَاءَ فَاغْتَسِلْ مِنَ الْجَنَابَةِ وَاذَا لَمْ تَكُنْ حَاذِفًا فَلاَ تَغْتَسِلْ.

*"Dan dari Ahmad. Lalu baginda bersabda: Kalau engkau mengeluarkan mani maka mandilah kerana telah berjunub dan apabila engkau tidak mengeluarkan mani maka janganlah mandi".* [15]

Ibnu Ruslan berkata: Kaum Muslimin telah ijmak atas wajibnya mandi junub (mandi hadas) bagi lelaki dan perempuan disebabkan keluar air mani atau mengeluarkan air mani. [16]

13 H/R Baihaqi.
14 H/R Ahmad. Ibnu Majah dan Tirmizi dan disahihkan oleh Tirmizi.
15 H/R Ahmad.
16 Lihat: Nailul Authar. 1/191, Asy-Syaukani.

# KEDUA:
# Wajib Mandi Kerana Persetubuhan

Menurut Imam An-Nawawi bahawa: Telah disepakati atas wajibnya mandi junub (bagi suami dan isteri) apabila *hasyafah* (kepala zakar lelaki) telah masuk ke dalam faraj walaupun tidak mengeluarkan air mani. Inilah pendapat dari ijmak. Keterangan ini dapat difahami dari hadis-hadis sahih yang berikut:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْغُسْلُ.

*"Dari Abu Hurairah, dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam baginda bersabda: Apabila salah seorang antara kamu duduk antara empat anggota perempuan kemudian ia bersungguh-sungguh maka ia wajib mandi (junub)"* [17]

اِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْغُسْلُ وَاِنْ لَمْ يُنْزِلْ.

*"Apabila salah seorang kamu duduk antara empat anggota perempuan (bersetubuh) kemudian ia bersungguh-sungguh maka wajib baginya mandi (junub) meskipun tidak mengeluarkan air mani".* [18]

---

17 H/R Bukhari, Muslim dan Ahmad.

18 H/R Muslim dan Ahmad.

*Dari Abdullah bin Amr bin Ash: "Apabila dua kemaluan (zakar dan faraj) itu telah masuk maka telah diwajibkan mandi (mandi junub)".* [19]

Para ulama telah sepakat sebagaimana yang telah disyariatkan bahawa seandainya seorang lelaki meletakkan kemaluannya di atas kemaluan perempuan. pada hal ia tidak memasukkannya maka tidak seorang pun antara keduanya diwajibkan mandi. [20]

وَعَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَــلَّمَ : اذَا قَعَدَ بَيْنَ شُعَبِهَاالْأَرْبَعِ ثُمَّ مَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ.

*"Dari Aisyah ia berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Apabila salah seorang antara kamu duduk di antara empat anggota perempuan kemudian benda yang dikhatan (kemaluan lelaki) bertemu benda yang dikhatan (kemaluan perempuan), maka telah diwajibkan mandi (junub)".* [21]

اذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَان وَجَبَ الْغُسْلُ

*"Apabila benda yang dikhatan (kemaluan lelaki) telah masuk ke dalam benda yang dikhatan (kemaluan perempuan) maka telah diwajibkan mandi".* [22]

وَعَنْ أُبَيٍّ بْنِ كَعَبٍ قَالَ : انَّ الْفُتْيَا الَّتِيْ كَانُوْا يَقُوْلُوْنَ : اَلْمَاءُ مِنَ الْمَاءِ . رُخْصَةٌ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ بِــهَا فَى اَوَّلِ الْإِسْلاَمِ ، ثُمَّ أَمَرَنَا بِالْاِغْتِسَالِ بَعْدَهَا.

*"Dari Ubai bin Ka'ab ia berkata: Sesungguhnya anak-anak muda itu pernah berkata: Air (mandi junub) itu kerana air (kerana keluar air mani), adalah keringanan (tidak wajib mandi) dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam diberikan pada permulaan Islam, kemudian ia memerintahkan kami agar mandi (junub) sesudah itu".* [23]

---

19 H/R Ibnu Syaibah.
20 Lihat: Nailul Authar. I 190 Asy-Syaukani.
21 H/R Ahmad dan Muslim.
22 H/R Tirmizi dan disahihkan olehnya.
23 H/R Ahmad dan Abu Daud.

وَفِي لَفْظِ التِرْمِزِيْ : اِنَّمَا كَانَ الْمَاءُ مِنَ الْمَاءِ رُخْصَةٌ فِي اَوَّلِ
اْلاِسْلاَمِ ، ثُمَّ نُهِيَ عَنْهَا.

*"Pada lafaz Tirmizi: Mandi hanya kerana keluar air mani, itu hanyalah suatu keringanan pada permulaan Islam kemudian dilarangnya (dilarang dari mengamalkan amalan yang lama dan diperintahkan agar mandi junub)".* [[24]]

وَعَنْ عَائِشَةَ : اَنَّ رَجُلاً سَأَلَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ
الرَّجُلِ يُجَامِعُ اَهْلَهُ ، ثُمَّ يُكْسِلْ وَعَائِشَةُ جَالِسَةٌ فَقَالَ : رَسُوْلُ اللهِ
صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اِنِّيْ لأَفْعَلُ ذَلِكَ اَنَا وَهَذِهِ ثُمَّ نَغْتَسِلُ.

*"Dari Aisyah bahawa ada seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam tentang seseorang yang menyetubuhi isterinya kemudian ia malas (untuk meneruskannya sebelum keluar mani) sedangkan Aisyah duduk di situ. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Sesungguhnya aku pernah melakukan seperti demikian dengan (Aisyah) ini lalu kami mandi (walaupun tidak keluar air mani)".* [[25]]

وَعَنْ رَافِعِ بْنِ خَدَيْجٍ قَالَ : نَادَانِيْ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وسَلَّمَ ، وَاَنَا عَلَى بَطْنِ امْرَأَتِيْ ، فَقُمْتُ وَلَمْ أُنْزِلْ ، فَاغْتَسَلْتُ ،
وَخَرَجْتُ فَأَخْبَرْتُهُ فَقَالَ : لاَ عَلَيْكَ ، اَلْمَاءُ مِنَ الْمَاءِ . قَالَ رَافِعٌ :
ثُمَّ أَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ بِالْغُسْلِ.

*"Dari Rafi' bin Khadej ia berkata: Aku pernah dipanggil oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam pada hal aku sedang di atas perut isteriku. Lulu aku bangun dan aku belum mengeluarkan air mani kemudian aku mandi lalu keluar kemudian aku mengkhabarkan kepada baginda. Lalu baginda bersabda: Kamu tidak wajib mandi kerana mandi itu lantaran keluarnya air mani. Rafi' berkata: Kemudian Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam sesudah itu memerintahkan agar kami mandi".* [[26]]

[24] H/R Tirmizi dan disahihkan olehnya.
[25] H/R Muslim.
[26] H/R Ahmad.

Seorang suami yang menyetubuhi beberapa orang isterinya pada satu malam maka hanya diwajibkan sekali mandi sahaja. Sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa-sallam*.

عَنْ أَنَسٍ اَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوْفُ عَلَى نِسَائِهِ بِغُسْلٍ وَاحَدٍ.

*"Dari Anas radiallahu anhu bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam pernah menggiliri (menyetubuhi) isteri-isterinya dengan sekali mandi".* [27]

اَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوْفُ عَلَى نِسَائِهِ فِى لَيْلَةٍ بِغُسْلٍ وَاحِدٍ.

*"Sesungguhnya Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam pernah menggiliri isteri-isterinya pada satu malam dengan sekali mandi".* [28]

عَنْ اَبِيْ رَافِعٍ مَوْلَى رَسُوْلُ اللهِ صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَنَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَافَ عَلَى نِسَائِهِ فِى لَيْلَةٍ ، فَاغْتَسَلَ عِنْدَ كَلِّ امْرَأَةٍ مِنْهُنَّ غُسْلاً . فَقُلْتُ : يَا رَسُوْلُ اللهِ ، اَوِ اغْتَسَلْتَ غُسْلاً وَاحِدًا ؟ فَقَالَ : هَذَا أَطْهَرُ وَأَطْيَبُ.

*"Dari Abi Rafi' maula Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam pernah menggiliri isteri-isterinya dalam satu malam lalu ia mandi untuk setiap seorang dari mereka lalu aku bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana kalau engkau mandi sekali sahaja? Lalu ia menjawab: Begini adalah lebih suci dan lebih bersih”.* [29]

Syarih berkata: Hadis ini menunjukkan, tidak wajib mandi bagi suami yang bermaksud mengulangi jimaknya [30] (ingin mengulangi persetubuhannya). Begitu juga isteri yang ingin diulangi (disetubuhi lagi) oleh suaminya maka isteri tidak diwajibkan mandi terlebih dahulu.

---

27 H/R Riwayat al-Jamaah kecuali Bukhari.
28 H/R Ahmad dan Nasa’i.
29 H/R Ahmad dan Abu Daud.
30 Lihat: Nailul Authar. 1 / 1 9 9

# KETIGA:
# Wajib Mandi Setelah Bersih Dari Haid Atau Nifas

Para wanita yang sudah bersih (kering) dari haid dan nifas maka diwajibkan mandi hadas (mandi junub) sebagaimana keterangan dari hadis-hadis sahih yang berikut:

عَنْ عَائِشَةَ اَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ اَبِيْ جَحْشٍ كَانَتْ تُسْتَحَاضُ ، فَقَالَتْ
النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَتْ بِالْحَيْضِ .
فَاِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِيَ الصَّلاَةَ ، وَاِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِيْ وَصَلِّيْ

*"Dari Aisyah bahawa Fatimah binti Abi Jahsy sedang istihadhah lalu aku bertanya kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam. Kemudian baginda menjawab: Itu hanya sebahagian dari peluh, bukan haid. Maka apabila engkau sedang haid, tinggalkanlah solat dan kalau telah selesai maka mandilah dan bersolatlah".* [[31]]

Sabda Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam:

*"Tinggalkanlah solat sekadar hari-hari yang engkau biasa haid padanya, dan (jika telah selesai haidmu) mandilah, dan solatlah."* [[32]]

Apabila wanita haid telah suci di tengah waktu solat, wajib baginya untuk segera mandi agar ia dapat menunaikan solat tersebut pada waktunya. Apabila ia sedang safar dan tidak ada air atau ada air namun ia menyulitkan untuk mandi atau ia sakit, maka cukup baginya bertayamum sebagai pengganti mandi hingga hilang darinya uzur. Maka setelah itu ia mandi.

Sebahagian wanita yang suci di tengah waktu solat menunda mandinya sampai waktu solat yang lain dan ia katakan tidak mungkin dapat menyempurnakan bersuci pada waktu tersebut. Ucapan seperti ini bukanlah alasan kerana memungkinkan baginya untuk mandi dan ia terus menunaikan solat pada waktunya. [[33]]

---

[31] H/R Bukhari.

[32] H/R. Bukhari no. 325.

[33] Risalah fid Dima'ith Thabi'iyyah lin Nisa'. Asy Syeikh Ibnu 'Utsaimin.

# TATACARA MANDI JUNUB RASULULLAH

Adapun hadis-hadis tentang wajibnya mandi junub (mandi hadas) antaranya ialah:

عَنْ مَيْمُوْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : وَضَعْتُ للنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاءً لِلْغُسْلِ مِنَ الْجَنَابَةِ ، فَغَسَلَ يَدَيْهِ مَرَّتَيْنِ اَوْ ثَلاَثًا ، ثُمَّ اَفْرَغَ بِيَمِيْنِهِ عَلَى شِمَالِهِ ، فَغَسَلَ فَرْجَهُ وَمَا اَصَابَهُ مِنَ الْأَذَى ، ثُمَّ مَسَحَ يَدَهُ بِالْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ اَوْ ثَلاَثًا ، ثُمَّ غَسَلَهَا ، ثُمَّ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ ، وَغَسَلَ وَجْهَهُ وَيَدَيْهِ وَغَسَلَ رَأْسَهُ ثَلاَثًا ، ثُمَّ اَفَاضَ عَلَى جَسَدِهِ ، ثُمَّ تَحَوَّلَ مِنْ مَكَانِهِ فَغَسَلَ قَدَمَيْهِ.

*"Dari Maimunah radiallahu 'anha ia berkata: Aku pernah menuangkan air untuk Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam untuk mandi junub. Maka baginda memulakan dengan mencuci kedua tangannya dua kali atau tiga kali, kemudian ia menuangkan air dengan tangan kanannya ke tangan kirinya lalu ia mencuci farajnya (kemaluannya) dan bahagian yang kena kotoran, setelah itu ia mengusapkan tangannya yang kiri ke tanah dua kali atau tiga kali lalu ia mencucinya. Kemudian baginda berkumur-kumur sambil menghisap (menyedut) air ke hidung lalu menghembuskannya kemudian ia mencuci mukanya dan kedua tangannya lalu ia mencuci kepalanya tiga kali, setelah itu barulah baginda menuangkan air keseluruhan tubuhnya. Setelah selesai baginda pindah dari tempatnya lulu baginda mencuci kedua kakinya"* [34]

[34] H/R Bukhari Kitabul Ghusul, Muslim I/175. Abu Daud. No 245 Tirmizi, Nasa'i, Ibnu Majah dan Ahmad.

1). Syarih berkata (ucapan): "Kemudian ia membasuh kedua kakinya", ini menunjukkan bahawa wuduk yang dilakukan oleh Nabi *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* semasa memulakan mandi junub tanpa membasuh kedua kakinya.

2). Jumhur ulama berpendapat: Sunnah mengakhirkan membasuh kedua kaki ketika berwuduk dalam mandi junub iaitu membasuh setelah selesai mandi junub.

3). Imam Malik berpendapat: Apabila tempat mandi junub itu tidak bersih maka mengakhirkan membasuh kedua kaki itu adalah sunnah. Tetapi apabila tempat itu bersih maka mencuci dua kaki itu hendaklah didahulukan.

4). Imam an-Nawawi berkata. Yang lebih benar dan lebih masyhur serta terpilih dari pendapat tersebut ialah menyempurnakan wuduknya

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ اذَا اغْتَسلَ مِنَ الْجَنَابَةِ بَدَأَ فَغسَلَ يَدَيْهِ ثُمَّ يُفْرِغُ بِيَمِيْنِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَيَغْسِلُ فَرْجَهُ ، ثُمَّ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتوَضَّأُ للصَّلاَةِ ، ثُمَّ يُدْخَلُ اَصَابِعَهُ فِى الْمَاء فَيُخَلِّلُ بِهَا اُصُوْلَ شَعْرِه ، حَتَّى اذَا ظَنَّ اَنَّهُ قَدْ اَرْوَى بَشَرَتَهُ ثُمَّ يَصُبُّ عَلَى رَاْسِهِ ثَلاَثَ غُرَفٍ بِيَدَيْهِ ثُمَّ يُفِيْضُ الْمَاءَ عَلَى جِلْدِهِ كُلِّهِ.

*"Dari Aisyah radhiallahu 'anha, bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam apabila mandi junub baginda memulakan mencuci kedua tangannya kemudian ia menuangkan air dengan tangan kanannya ke tangan kirinya lalu ia mencuci kemaluannya. Kemudian baginda berwuduk sebagaimana wuduknya untuk bersolat. Lalu baginda memasukkan jari-jari tangannya ke dalam air, lantas ia sela-sela pangkal-pangkal rambutnya dengan jari-jarinya itu, setelah ia merasakan telah basah rambutnya, ia tuangkan air ke atas kepalanya tiga kali cedukan dengan kedua tangannya kemudian ia alirkan air ke seluruh tubuhnya".* [35]

35 H/R Bukhari. 1/68. Muslim. 1/174. Abu Daud. 242. Ibn Majah 574.

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْخُذُ ثَلاَثَةَ أَكُفٍّ وَيُفِيْضُهَا عَلَى رَأْسِهِ ثُمَّ يُفِيْضُ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ.

*"Dari Jabir radhiallahu anhu bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam mengambil air tiga kali cedukan dan baginda tuangkan ke atas kepalanya, kemudian baginda menuangkan air ke seluruh tubuhnya".* [36]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ دَعَا بِشَيْءٍ – نَحْوَ الْحِلاَبِ – فَأَخَذَ بِكَفِّهِ ، فَبَدَأَ بِشِقِّ رَأْسِهِ الأَيْمَنِ ، ثُمَّ الأَيْسَرِ ، ثُمَّ أَخَذَ بِكَفَّيْهِ فَقَالَ بِهِمَا عَلَى رَأْسِهِ.

*"Dari Aisyah radiallahu 'unha ia berkata: Adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam apabila mandi junub, baginda meminta air dengan satu bejana besar lalu ia ambil air itu dengan tangannya, kemudian memulai pada bahagian kepala sebelah kanan, kemudian yang kiri, kemudian ia mengambil air dengan kedua telapak tangannya lalu ia tuangkan di atas kepalanya".* [37]

وَفِى رِوَايَةٍ : ثُمَّ يُخَلِّلُ بِيَدَيْهِ شَعْرَهُ ، حَتَّى اذَا ظَنَّ انَّهُ أَرْوَى بَشَرَتَهُ أَفَاضَ عَلَيْهِ الْمَاءَ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ.

*"Di riwayat yang lain: Kemudian baginda menyela-nyela rambutnya dengan kedua tangannya sehingga apabila ia merasa telah basah seluruh kulit kepalanya, ia tuangkan air di atasnya tiga kali".* [38]

---

[36] H/R Bukhari. 1/69. Kitab al-Ghusul.
[37] H/R Bukhari dan Muslim.
[38] H/R Bukhari dan Muslim.

وَعَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعَمٍ قَالَ : تَذَاكَرْنَا غُسْلَ الْجَنَابَةِ عِنْدَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : أَمَّا أَنَا فَآخُذُ مِلْءَ كَفِّيْ فَأَصُبُّ عَلَى رَأْسِيْ ، ثُمَّ أُفِيْضُ بَعْدُ عَلَى سَائِرِ جَسَدِيْ.

*“Dari Jubair bin Muth'am ia berkata: Kami pernah berbincang-bincang tentang mandi junub di hadapan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam lalu baginda bersabda: Adapun aku, cukup mengambil air sepenuh dua tapak tanganku lalu aku tuangkan di atas kepalaku, kemudian aku menyiram bakinya atas seluruh tubuhku".* [39]

عَنْ جُبَيْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : اَمَّا اَنَا ، فَأَفِيْضُ عَلَى رَاْسِيْ ثَلاَثًا ، وَاَشَارَ بِيَدَيْهِ كِلْتَيْهِمَا ، ثُمَّ اُفِيْضُ بَعْدَ عَلَى سَائِرِ جَسَدِيْ.

*"Dari Jubair radiallahu 'anhu berkata: Adapun aku, menuangkan air ke atas kepalaku tiga kali (beliau memberi isyarat dengan kedua tangannya).* [40] *Kemudian aku menyiram ke atas seluruh tubuhku".* [41]

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يَتَوَضَّأُ بَعْدَ الْغُسْلِ.

*"Dari Aisyah radhiallahu anha: Adalah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam tidak berwuduk setelah selesai mandi junub".* [42]

---

39 H/R Ahmad.
40 H/R Bukhhari. 1/69
41 H/R Ahmad.
42 H/R Ahmad. Ibnu Majah. Abu Daud 1/171 Tirmizi. 1/72.

# TATACARA MANDI SETELAH SUCI DARI HAID DAN NIFAS

Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam ketika beliau ditanya oleh seorang wanita Anshar tentang tata cara mandi haid, Beliau Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam sebagaimana yang dikhabarkan oleh 'Aisyah radhiallahu 'anha bersabda:

> *"Ambillah secarik kain yang diberi misik lalu bersucilah dengannya". Wanita itu bertanya: "Bagaimana cara aku bersuci dengannya?" Nabi menjawab: "Bersucilah dengannya". Wanita itu bertanya lagi: "Bagaimana caranya?" Nabi berkata: "Subhanallah, bersucilah". 'Aisyah berkata: Maka aku menarik wanita tersebut ke dekatku, lalu aku katakan kepadanya: "Ikutilah bekas darah dengan kain tersebut".* [43]

Atau lebih lengkapnya disebutkan dalam riwayat Muslim (no. 61), bahawasannya Asma bintu Syakl bertanya tentang tata cara mandi haid maka beliau Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam mengajarkan:

> *"Salah seorang dari kalian mengambil air dan daun sidr (bidara), lalu ia bersuci dan membaguskan bersucinya. Kemudian ia tuangkan air ke kepalanya dan ia gosok dengan kuat hingga air tersebut sampai ke akar-akar rambutnya, kemudian ia tuangkan air ke atasnya, kemudian ia ambil secarik kain yang diberi misik (yakni sepotong kain yang diberi misik) lalu ia bersuci dengannya". Maka bertanya Asma: "Bagaimana cara ia bersuci dengannya?" Nabi menjawab: "Subhanallah, engkau bersuci dengannya". 'Aisyah berkata kepada Asma dengan ucapan yang pelan yang hanya didengar oleh orang yang diajak bicara: "Engkau mengikuti bekas darah dengan kain tersebut".* [44]

---

[43] H/R Bukhari no. 314 dan Muslim no. 60

[44] H/R Muslim no. 61

Al Imam Nawawi rahimahullah ketika mensyarah hadis di atas menyatakan:

"Telah berkata Al Qadli 'Iyadl rahimahullahu ta'ala: ((Bersuci yang pertama (yang disebutkan dalam hadis ini) adalah bersuci dari najis-najis dan apa yang terkena najis berupa darah haid)). Demikian dikatakan Al Qadli. Namun yang lebih jelas, Wallahu A'lam, bahawasannya yang dimaksud dengan bersuci yang pertama adalah wuduk sebagaimana hal ini disebutkan dalam tatacara mandi janabah Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam." [[45]]

Hadis di atas juga menunjukkan sunnahnya mengelap tempat bekas darah dengan kain/kapas yang diberi misik wangian, sementara perkara ini banyak dilalaikan oleh para wanita.

Kata Al Imam Nawawi rahimahullah: "Ulama berselisih tentang hikmah menggunakan misik (ketika mandi haid). Pendapat yang sahih yang terpilih yang diucapkan oleh jumhur ashab kami (ulama dalam mazhab Syafie) dan selain mereka adalah maksud menggunakan misik itu untuk mengharumkan bekas tempat darah dan menghilangkan bau yang tidak sedap."

Dan difahami dari hadis riwayat Muslim di atas bahawa penggunaan kain yang diberi misik tersebut dilakukan setelah selesai mandi.

Selanjutnya Al Imam Nawawi berkata: "Perkara ini disunnahkan bagi setiap wanita yang mandi dari haid atau nifas, sama saja apakah ia memiliki suami atau tidak. Ia gunakan kain bermisik tersebut setelah mandi. Apabila ia tidak mendapatkan misik maka boleh ia menggunakan wewangian apa saja yang ia dapatkan. Apabila ia tidak mendapatkan apapun, maka air cukup baginya. Akan tetapi, jika ia meninggalkan pemakaian wewangian padahal memungkinkan bagi dirinya unutk memakainya maka hal itu dimakruhkan baginya. Namun bila tidak memungkinkan maka tidak ada kemakruhan bagi dirinya." [[46]]

Pemakaian wewangian ketika mandi haid ini sangat ditekankan, sampai-sampai wanita yang sedang berihdad diberi keringanan untuk mengoleskan wewangian pada daerah sekitar farji/kemaluan setelah selesai mandi haid, sebagaimana hal ini disebutkan dalam hadis riwayat Bukhari (no. 313) dari Ummu 'Athiyah radhiallahu 'anha, ia berkata:

> *"Kami dilarang untuk berihdad (berkabung) atas mayat lebih dari tiga hari kecuali bila yang meninggal itu adalah suami maka ihdadnya (isteri) 4 bulan 10 hari. (Selama berihdad) kami tidak boleh bercelak, tidak boleh memakai wewangian, tidak boleh memakai*

---

[45] Syarah Sahih Muslim 4/15.
[46] Syarah Sahih Muslim 4/13-14.

*pakaian yang dicelup kecuali pakaian 'ashb (dari kain Yaman, pent.). Dan kami diberi keringanan untuk menggunakan sepotong kain yang diberi wewangian ketika salah seorang dari kami mandi untuk bersuci dari haid. Dan kami juga dilarang untuk mengikuti jenazah."* [47]

Apakah wajib bagi wanita yang mandi haid untuk melepaskan ikatan rambutnya? Al Imam Muslim dalam Sahih-nya (no. 58) meriwayatkan dengan sanadnya sampai kepada Ummu Salamah radhiallahu 'anha, bahawasannya ia bertanya kepada Nabi Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam:

*"Aku adalah wanita yang sangat kuat ikatan rambutku, apakah aku harus melepaskannya untuk mandi janabah?" Dalam riwayat lain: "… dan mandi haid?" Beliau menjawab: "Tidak, hanya saja cukup bagimu untuk menuangkan air di atas kepalamu tiga kali tuangan, kemudian engkau alirkan air ke tubuhmu, dengan begitu maka engkau suci."* [48]

Al Imam Ash Shan'ani dalam Subulus Salam 1/142 dan Al Imam As Syaukani dalam Nailul Authar 1/346 keduanya menyebutkan tidak wajibnya melepas ikatan rambut bagi wanita ketika mandi wajib.

Kata Asy Syeikh Ibnu 'Utsaimin rahimahullah:

"Tidak wajib melepas ikatan rambut kepala ketika mandi kecuali bila ikatannya sangat kuat sehingga tidak memungkinkan air mencapai pokok-pokok rambut, berdasarkan hadis Ummu Salamah yang diriwayatkan oleh Muslim (kemudian beliau menyebukan hadis yang tersebut di atas)." [49]

Asy Syeikh Abdul Aziz bin Bazz rahimahullah berkata:

"Yang sahih, tidaklah wajib bagi wanita untuk melepas ikatan rambutnya ketika mandi haid berdalilkan keterangan yang datang dalam sebahagian riwayat Ummu Salamah yang dikeluarkan oleh Al Imam Muslim… ."

Jumhur ulama berpendapat apabila air mencapai seluruh kepala bagian luarnya mahupun dalamnya tanpa harus melepas ikatan rambut maka tidak wajib melepasnya.

Berkata Asy Syeikh Muhammad bin Ibrahim:

"Yang kuat dalam dalil adalah tidak wajib melepas ikatan rambut ketika mandi haid sebagaimana tidak wajib melepasnya ketika mandi janabah… ." [50]

---

47 H/R Bukhari no. 313.

48 H/R Muslim no. 58.

49 Risalah fid Dima'ith Thabi'iyyah lin Nisa'. Asy Syeikh Ibnu 'Utsaimin.

50 Lihat Bulughul Maram min Adillatil Ahkam dengan catatan kaki yang dinukil dari pembahasan Asy Syeikh Albani dan Asy Syeikh Abdullah Alu Bassam serta sebahagian ulama Salaf. Halaman 48-49.

Asy Syeikh Mushthafa Al Adawi menyatakan:

“Termasuk perkara yang disunnahkan saja untuk wanita melepas ikatan rambutnya ketika mandi haid, dan hal ini tidaklah wajib dan ini merupakan pendapat majoriti ahli fikih.

Al Imam Asy Syafie rahimahullah dalam Al Umm (1-227) mengatakan:

“Apabila seorang wanita memiliki rambut yang diikat maka tidak wajib baginya untuk melepas ikatan tersebut ketika mandi janabah. Dan mandinya dari haid sama dengan mandinya dari janabah, tidaklah berbeza.”

# RINGKASAN SIFAT MANDI JUNUB RASULULLAH

Dari semua hadis-hadis tentang mandi junub yang telah lalu, dapat difahami dan diringkaskan bahawa sifat mandi junub Nabi *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* ialah:

- Didahulukan dengan mencuci kedua telapak tangan hingga ke pergelangan tangan. Ia dilakukan tiga kali.
- Mencuci kemaluan dengan tangan kiri (Gunakan daun bidara/sidr atau yang boleh menggantikannya seperti sabun dan lainnya bagi yang lepas haid).
- Setelah mencuci kemaluannya, Nabi *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* menggosok tangannya ke lantai beberapa kali iaitu dua atau tiga kali.
- Berwuduk sebagaimana wuduk untuk solat. Ada kalanya mengakhirkan dari mencuci kakinya.
- Memasukkan jari-jemari ke dalam air kemudian menyela-nyela rambut dengan kedua-dua jari-jemari tangan sehingga rata.
- Menuangkan air ke atas kepala tiga kali, sama ada dengan menceduk dengan kedua tangan atau dengan gayung.
- Wanita tidak wajib melepas ikatan rambut kecuali bila melepas ikatan tersebut akan membantu untuk sampainya air ke pokok rambut.
- Menjirus, meratakan dan membasuh ke seluruh tubuh badan.
- Mengambil kain/kapas atau sejenisnya yang telah diberi misik atau wewangian lain jika tidak mendapatkan misik, lalu mengoleskannya ke tempat-tempat yang tadinya dialiri darah haid. [[51]]
- Selepas mandi tidak diwajibkan berwuduk semula jika wuduk sebelum mandi tidak batal tetapi jika sekiranya batal maka wajib memperbaharui wuduknya semula.

[51] Jami’ Ahkamin Nisa’ 1/123.